

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH
[BUKIT GELUGOR – DAP]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN (NO. 47)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan secara terperinci proses pemilihan ahli-ahli pasukan bola sepak kebangsaan dan sebab-sebab prestasi pasukan tersebut baru-baru ini amat teruk seperti yang boleh dilihat dengan kekalahan 10-0 kepada pasukan UAE. Nyatakan sama ada proses pemilihan tersebut adalah berdasarkan merit dan telus.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, proses pemilihan pemain pasukan kebangsaan adalah terletak di bawah jurulatih kebangsaan yang dilantik oleh FAM. Pihak Kementerian tidak mempunyai bidang kuasa untuk menentukannya.
2. Beberapa kelemahan telah didapati di antara yang utama adalah tahap kecergasan kebanyakan pemain ketika kekalahan 0 -10 menentang Emiriah Arab Bersatu (UAE) berada pada tahap yang rendah disebabkan terpaksa mengharungi perlawanan liga yang mempunyai jadual padat serta jadual perlawanan persahabatan antarabangsa. Beberapa pemain utama juga tidak disenaraikan dalam perlawanan tersebut kerana mengalami masalah kecederaan seperti Junior Eldstal dan Joseph Kalang Tie.
3. Di samping itu juga, pemilihan pasukan Bangladesh sebagai perlawanan pemanas badan untuk skuad kebangsaan adalah tidak tepat kerana cara permainan pasukan Bangladesh tidak sama dengan cara permainan pasukan UAE kerana berlainan benua dan ciri-ciri fizikal.

Sekian, terima kasih.